

12 DEC 1996

LEBIH RM1 BILION DIPERLUKAN UNTUK PULIHKAN PERWAJA

Oleh: Mohd Arshi Daud

KEMAMAN, 12 Dis (Bernama) -- Equal Concept Sdn Bhd, syarikat yang dilantik sebagai pengurus sementara untuk menswasta dan memulihkan Perwaja Steel Sdn Bhd yang tenat, perlu melabur lebih RM1 bilion untuk memulihkan syarikat itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata kerajaan sedar ia mengambil masa yang lama untuk memulihkan Perwaja, yang menanggung kerugian terkumpul berjumlah RM2.9 bilion tetapi masih berminat untuk mendapatkan balik pelaburan dalam projek itu.

Dr Mahathir berkata kerajaan memasuki projek berkenaan memandangkan ia projek industri berat yang rumit dan terlalu berisiko untuk sektor swasta kerana ia mengambil masa yang lama untuk mencapai kejayaan.

Projek seperti itu selalu menghadapi masalah dan memerlukan pelaburan berterusan dan tempoh yang lama untuk memperolehi keuntungan, kata beliau ketika berucap kepada kakitangan Perwaja semasa melawat kompleks kilang syarikat itu di sini.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Terengganu Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan Pengerusi Eksekutif Maju Holdings Sdn Bhd Abu Sahid Mohamed.

Maju Holdings memegang 51 peratus ekuiti dalam Equal Concept dan adik Abu Sahid iaitu Abu Talib kini ketua pegawai eksekutif Perwaja Steel.

Perdana Menteri berkata kerajaan masih berunding tentang pakej menyelamatkan dan penswastan Perwaja.

"Tidak dapat tidak, kita perlu memberi penekanan kepada pentingnya industri besi waja sebagai tanda lengkapnya status negara maju.

"Ia juga menunjukkan kemampuan Bumiputera untuk memasuki bidang ini," kata beliau.

Kerajaan mengambil pendekatan untuk menswastakan Perwaja seperti Telekom Malaysia dan Penerbangan Malaysia kerana mengurus harta orang lain berbeza daripada mengurus harta sendiri.

Melalui penswastan, pihak swasta terpaksa melabur wang sendiri dan jika kerugian, mereka perlu menanggungnya.

Dr Mahathir yakin bahawa Perwaja boleh dipulihkan dengan sokongan pekerja sambil menyeru pekerja syarikat itu supaya percaya kepada diri sendiri, syarikat dan dasar kerajaan.

"Jika kita ada keyakinan, saya rasa kita boleh memulihlan kilang ini. Jika tidak boleh, kita akan malu," kata beliau.

Perdana Menteri berkata beliau membatalkan urusan lain semata-mata untuk melawat kompleks kilang ini hari ini kerana "Perwaja ialah idea saya kerana jika gagal, saya juga malu."

Dr Mahathir kemudian bertanya kepada hadirin sama ada mereka percaya bahawa Perwaja dapat dipulihkan dan sama ada mereka dapat menebus maruah.

Beliau disambut dengan tindak balas yang positif daripada mereka dengan meneriak "kita boleh...kita boleh".

Pada ketika ini, seorang pekerja bangun lalu memberitahu Perdana Menteri bahawa bagi pihak pekerja syarikat itu, beliau percaya bahawa Perwaja dapat dipulihkan.

Beliau juga berkata bahawa Perwaja bukan dilema Melayu tetapi suatu perjuangan yang belum selesai. -- BERNAMA

AD FAZ/sia